



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 29 Januari 2024.

Untuk Terbitan Media
29 Januari 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO PERUNTUK RM4 JUTA LANCAR INISIATIF PENCEGAHAN KEMALANGAN

ALERT: 37 NGO DAN INSTITUSI TERIMA GERAN PERKASA PROGRAM ADVOKASI, TINGKAT KESEDARAN KKP

PUTRAJAYA: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperuntukkan agihan geran bernilai RM4 juta kepada 37 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi lain sebagai langkah progresif menangani insiden bencana kerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato Sri' Abdul Rahman Mohammad, memaklumkan peruntukan geran tahunan sejak 2001 ini bertujuan memperkasa kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan mengurangkan kadar kemalangan, seterusnya meningkatkan kesejahteraan golongan pekerja termasuk mereka yang bekerja sendiri serta suri rumah.

“Data interim PERKESO bagi tahun **2023 merekodkan 82,876 kes kemalangan** telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **44,422 kes adalah kemalangan industri** atau kemalangan di tempat kerja manakala **38,454 kes adalah kemalangan perjalanan**.

“Sepanjang tempoh yang sama, sebanyak **1,060 kes kemalangan maut** dilaporkan di mana punca **kemalangan industri** menyumbang kepada **310 kematian**, manakala **kemalangan perjalanan telah menyebabkan 750 pekerja maut**, atau boleh jika dilihat dari segi purata untuk sepanjang 2023, **sebanyak 2 kes kematian direkodkan setiap hari** membabitkan pekerja yang dalam perjalanan ke tempat kerja,” katanya pada ucap-tama Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada Institusi dan NGO Tahun 2024, hari ini.

Turut berlangsung pada majlis sama adalah Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Hilang Upaya di Tempat Kerja Kepada Majikan yang menjadi sebahagian daripada program *Return To Work* (RTW), demi membantu pelaksanaan latihan dalam organisasi kepada pekerja yang terbencana untuk kembali bekerja.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri. Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Untuk rekod, seramai 66,441 Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat kemalangan dan penyakit kembali bekerja sejak RTW diperkenalkan pada 2007.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata sebanyak 423 aktiviti meliputi latihan kompetensi, seminar dan promosi media akan dilaksanakan oleh 22 NGO serta institusi dengan pecahan peruntukan kewangan hampir RM3 juta, rentetan perangkaan kemalangan yang dicatatkan.

“Manakala 21 program latihan intensif kepada pekerja akan dijalankan oleh 15 NGO dan institusi, dengan implikasi kewangan dianggarkan bernilai lebih RM1 juta,” katanya.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
29 Januari 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Mohd Wazid Zaidon
+6017-619 3181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**